

Dr. M tidak wajar bertanding perwakilan G7 – Najib

UM - 28/8/2006

PETALING JAYA 27 Ogos – Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, hasil daripada pendapat umum menunjukkan hasrat Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadi perwakilan tidak wajar dilakukan oleh seorang bekas Presiden parti.

Katanya, pendapat umum tersebut menyatakan apabila seseorang itu telah

sampai ke kemuncak dalam parti dan kemudian mendapat penghormatan tertinggi, adalah tidak sesuai untuk beliau turun sebagai perwakilan biasa.

“Dari segi peruntukan perlembagaan Dr. Mahathir mempunyai hak tetapi di peringkat pendapat umum mereka menyatakan perkara ini tidak sesuai dilakukan.

“Kita tidak boleh paksa itu (halang

Tun bertanding). Kini terpulanglah kepada tuan tubuh. Hak memang hak tetapi sesuai atau tidak, wajar atau tidak itu terpulanglah kepada tafsiran masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kelana Jaya di dewan Kompleks Sukan PKNS, di sini hari ini.